



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 13/1975**

Borang-Borang Baru 11A, 11B dan 14A Kanun Tanah Negara

Pekeliling ini adalah untuk menasihat Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai dengan penggunaan borang-borang baru bagi Surat Hakmilik Sementara (Daftar) Borang 11A, Surat Hakmilik Sementara (Pejabat Tanah) Borang 11B dan Pindahmilik Tanah Borang 14A.

2. Dengan kuatkuasa Perintah Kanun Tanah Negara (Pindaan kepada Jadual Pertama), 1975 yang telah disiarkan di dalam Warta Kerajaan sebagai PU. (A) 267 pada 28hb Ogos, 1975, Borang-borang 11A, 11B dan 14A di dalam Jadual Satu Kanun Tanah Negara yang digunakan sekarang ini telah ditukar atau diganti dengan Borang-borang 11A, 11B dan 14A yang baru sebagaimana di Lampiran-lampiran A, B dan C. Borang-borang baru ini mengadakan perubahan-perubahan yang berikut: Borangborang 11A dan 11B mengandungi tempat bagi mencatatkan syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan kepentingan dan Borang 114A mengadakan tempat yang berasingan bagi kes di mana penerima hakmilik (transferee) berjumlah lebih daripada seorang.

3. Perintah yang dimaksudkan di perenggan 2 di atas akan berjalan kuatkuasanya pada 15hb Disember 1975 dan oleh itu adalah wajar bagi borang-borang baru itu digunakan mulai daripada tarikh tersebut. Borang-borang surat hakmilik sementara 11A dan 11B yang ada sekarang ini hanya sah digunakan sehingga 14hb Disember, 1975 dan pendaftaran surat-surat hakmilik sementara menggunakan borang-borang ini hendaklah selesai pada tarikh tersebut; adalah tidak sah jika sesuatu surat hakmilik sementara yang menggunakan borang-borang ini didaftarkan pada atau selepas 15hb Disember 1975. Maka mulai 15hb Disember, 1975 tiap-tiap surat hakmilik sementara mahulah menggunakan borang baru tidak mengira sama ada buku surat hakmilik sementara yang dipakai sekarang masih banyak lampiran yang belum digunakan. Borang 14A Pindahmilik Tanah yang ada sekarang mi tidak boleh digunakan pada atau selepas 15hb Disember 1975. Timbangan kelayakan sesuatu suratcara itu untuk pendaftaran bergantung kepada tarikh penyempurnaannya. Jika didapati tarikh penyempurnaan borang tersebut oleh pihak pemberi pindahmilik dan pihak penerima pindahmilik ialah pada atau selepas 15hb Disember, 1975, suratcara itu hendaklah ditolak. Suratcara yang ditandatangani oleh pihak pemberi pindahmilik sebelum 15hb Disember, 1975 tetapi ditandatangani oleh pihak penerima pindahmilik selepas tarikh tersebut hendaklah juga ditolak. Adalah diingatkan bahawa penyerahan suratcara tersebut tidak boleh ditolak (mahulah dibenarkan) jika ianya menurut peruntukan seksyen 293 dan 294 Kanun Tanah Negara.

4. Borang-borang 11A, 11B dan 14A yang baru adalah sedang dicetak dan akan siap untuk digunakan di Pejabat-pejabat Pendaftar dan Pejabat-pejabat Tanah mulai daripada 15hb Disember, 1975. Pendaftar-pendaftar dan Pemungut-pemungut adalah dikehendaki menghantar inden kepada Jabatan Percetakan Kerajaan untuk pembekalan borang-borang tersebut dengan segera. Telah diputuskan oleh pihak Jabatan Percetakan Kerajaan, iaitu, inden yang telah diterima untuk bekalan borang-borang 11A, 11B dan 14A yang ada sekarang ini bagi tahun 1976 tidak boleh ditarik balik, iaitu, pembekalan borang-borang tersebut hendaklah dibayar juga dengan tidak boleh tidak.

5. Pendaftar-pendaftar dan Pernungut-pemungut dengan ini adalah dinasihatkan seperti berikut:

- (a) menentukan supaya stok yang secukup-cukupnya didapatkan bagi Borang-borang baru 11A, 11B dan 14A untuk digunakan mulai daripada 15hb Disember, 1975; dan
- (b) menentukan supaya Borang-borang 11 A. 11B dan 14A yang ada sekarang ini tidak digunakan lagi selepas 14hb Disember, 1975,

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 300/4

Kuala Lumpur,
November, 1975.

KANUN TANAH NEGARA

Borang 11A

(Seksyen 177)

(Hakmilik Sementara bersamaan dengan Hakmilik dalam Pejabat Pendaftaran)

DAFTAR H.S.: Daerah.....No. H.S. (D).....
Negeri

SURATAN HAKMILIK SEMENTARA

JENIS PENGGUNAAN TANAH: *PERTANIAN/BANGUNAN/PERUSAHAAN

*Bandar/Pekan/Mukjm.....
*Gran untuk selama-lamanya No. P.T
*Lease selama tempoh.....tahun Luas Sementara
Habis tempoh pada.....Cukai Tahunan \$

SYARAT-SYARAT KHAS HAKMILIK SEMENTARA

1. Hakmilik ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara kepada syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan yang berikut :

SYARAT-SYARAT NYATA

SEKATAN-SEKATAN KEPENTINGAN

2. Dalam pelan tanah yang di bawah ini, sempadan-
sempadan yang ditunjukkan dengan warna merah
itu, iaitu sempadan-sempadan yang belum ditetap-
kan dengan jalan ukur, adalah sementara sahaja

*Untuk digunakan
bagi penyatuan
sahaja.*

Pelan Lakar

Tanah yang tersebut di atas adalah dipegang oleh
tuanpunyanya yang pada masa itu ada tersebut
namanya dalam rekod kepunyaan di bawah ini.

Didaftarkan pada.....haribulan.....19.....

T.M.

.....
Pendaftar

Suratan hakmilik yang dikeluarkan yang telah diminta,
dikeluarkan pada
haribulan 19.....

T.M. .

.....
Pendaftar

*Potong sebagaimana yang sesuai

Hendaklah dipenuhi apabila hakmilik dikeluarkan bagi sambungan:

Tarikh mula-mula diberi milik

No. Hakmilik Asal (Tetap atau Sementara

No. Hakmilik yang akhir sekali (jika berlainan daripada yang di atas).....

REKOD KEPUNYAAN, URUSAN-URUSAN DAN LAIN-LAIN HAL MENGENAI HAKMILIK

KANUN TANAH NEGARA

Borang 11B

(Seksyen 177)

(Hakmilik Sementara bersamaan dengan Hakmilik dalam Pejabat Tanah)

DAFTAR H.S.: Mukim No. H.S. (M)

Negeri

SURATAN HAKMILIK SEMENTARA

JENIS PENGGUNAAN TANAH: *PERTANIAN/BANGUNAN/PERUSAHAAN

Tempat

*Geran untuk selama-lamanya No. P.T.....

*Lease selama tempoh tahun Luas Sementara

Habis tempoh pada Cukai Tahunan \$

SYARAT-SYARAT KHAS HAKMILIK SEMENTARA

1. Hakmilik ini adalah tertakluk kepada Peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara kepada dan syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan yang berikut:

SYARAT-SYARAT NYATA

SEKATAN-SEKATAN KEPENTINGAN

2. Dalam pelan tanah yang di bawah ini, sempadan-sempadan yang ditunjukkan dengan warna merah itu, iaitu sempadan-sempadan yang belum ditetapkan dengan jalan ukur, adalah sementara sahaja *Untuk digunakan bagi penyatuan sahaja.*

Pelan Lakar

Tanah yang tersebut di atas adalah dipegang oleh tuannya yang pada masa itu ada tersebut namanya dalam rekod kepunyaan di bawah ini.

Didaftarkan pada

Haribulan 19

Pemungut

T.M.

Daerah

Suratan hakmilik yang dikeluarkan, yang telah diminta,
dikeluarkan pada

haribulan 19

Pemungut

T.M.

Daerah

* Potong sebagaimana yang sesuai

Hendaklah dipenuhi apabila hakmilik dikeluarkan bagi sambungan:

Tarikh mula-mula diberi milik

No. Hakmilik Asal (Tetap atau Sementara)

No. Hakmilik yang akhir sekali (jika berlainan daripada yang di atas)

REKOD KEPUNYAAN, URUSAN-URUSAN DAN LAIN-LAIN HAL MENGENAI HAKMILIK.

KANUN TANAH NEGARA

Borang 14A

(Seksyen 215, 217, 218)

PINDAHMILIK TANAH, BAHAGIAN ATAU PAJAKAN

(Setem hendaklah dilekatkan — atau pembayaran cukai diperakukan — dalam ruang ini)

BAGI KEGUNAAN PEJABAT PENDAFTARAN	
Ingatan pendaftaran dibuat Suratan/ dalam Suratan-Suratan Hakmilik dalam daftar yang dijadualkan di bawah ini, mulai dari pukul pada haribulan 19 T.M. Pendaftar/Pemungut Negeri/Daerah	Fail mengenai - Jilid Folio Perserahan No.—

Saya.....
yang beralamat di
*tuanpunya *tanah/bahagian yang tak dipecahkan atas tanah *pemajak/pemajak hasil kecil dalam *pajakan/pajakan kecil yang tersebut dalam jadual di bawah ini:

*(a) Sebagai balasan wang sebanyakringgit yang dengan ini saya mengaku telah terima;

*(b) Sebagai balasan—

.....
.....
.....
.....
*Di sini nyatakan
balasan (jika lain
Daripada yang diatas)
dan daripada
siapa datangnya*

*(c) Dengan tiada apa-apa balasan;

Dengan ini memindahkan kepada penerima pindahmilik yang tersebut di bawah ini segala hakmilik atau kepentingan sebagaimana yang ada pada saya.

Bertarikh padaharibulan 19

.....
Tandatangan (atau lain-lain cara penyempurnaan)
oleh atau bagi pihak pemberi pindahmilik

Saya

*Di sini masukkan
nama penuh dan
kelayakan
orang yang menyaksikan*

dengan ini mengaku bahawa *tandatangan/cap ibujari yang di atas itu telah *ditulis/ capkan di hadapan saya pada haribulan 19.....

*(a) mengikut pengetahuan saya sendiri,

*(b) mengikut maklumat yang diberi kepada saya oleh orang yang berikut yang boleh dipercayai, iaitu—

.....
.....

dan maklumat itu saya percayai dengan sesungguhnya,

*tandatangan/cap ibujari yang benar bagi—

.....
.....
.....

*Di sini masukkan
nama orang yang
menyempurnakan*

yang telah mengaku kepada saya

- (i) bahawa ia adalah cukup umur,
- (ii) bahawa ia telah menyempurnakan suratcara ini dengan sukahatinya sendiri; dan
- (iii) bahawa ia faham akan kandungan suratcara itu dan natijahnya.

Disaksikan dengan tandatangan saya padaharibulan 19

.....
tandatangan

*Saya

yang beralamat di

menerima pindahmilik ini.

* Kami

menerima pindahmilik ini mengenai bahagian-bahagian yang tak dipecahkan atas tanah sebagaimana dinyatakan bersetentang dengan nama-nama kami di bawah ini—

Jika alamat orang yang berhak dibawah suratcara ini ialah di luar Persekutuan, maka suatu alamat didalam Persekutuan, untuk notis-notis disampaikan, hendaklah ditambah dalam ruangan ini.

.....
.....

JADUAL TANAH* DAN KEPENTINGAN

*Bandar/ Pekan Mukim	No. Lot/ Petak/ P.T	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian tanah (jika ada)	No. Berdaftar *pajakan/ Pajakan Kecil	No. Berdaftar Gadaian (Jika ada)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)

* Potong sebagaimana yang sesuai
